

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

RPK 342 Sejarah Perancangan

Masa : (3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi
DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan
peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. Bahagian A: Soalan 1 adalah WAJIB.

BAHAGIAN A

1. Apakah pengaruh-pengaruh perancangan luar yang dapat dikesan daripada bentuk dan corak pembangunan fizikal bandar Georgetown (Pulau Pinang). Jelas dan nyatakan asal-usul pengaruh-pengaruh ini. Apakah pula unsur-unsur pemikiran tempatan yang turut mempengaruhi corak pembangunan ini?

(25 Markah)

BAHAGIAN B (Pilih TIGA soalan) ,

2. SAMA ADA

- (a) Apakah teras perancangan Islam? Tunjukkan bagaimana ini diaplikasikan ke atas bandar-bandar sedia ada maupun bandar-bandar baru.

(25 Markah)

ATAU

- (b) Terdapat cendekiawan-cendekiawan yang mengatakan bahawa bandar-bandar Islam sebenarnya tidak terancang. Ini ialah kerana jalan-jalannya yang berbelit-belit dan tidak terarah. Buktikan bahawa sebenarnya keadaan ini ialah hasil dari pendekatan perancangan Islam yang unik.

(25 Markah)

3. Di antara "rekabentuk organik" dan "rekabentuk formal", yang manakah yang lebih berkesan di dalam menangani masalah-masalah perbandaran yang terdapat ketika itu? Jelas konsep-konsep ini dan bincangkan.

(25 Markah)

4. Apakah yang dimaksudkan dengan "rekabentuk sivik"? Di zaman dan pada lokasi-lokasi manakah rekabentuk ini mula digunakan dan apakah keistimewaan-keistimewaan-nya?

(25 Markah)

5. (a) Apakah kesan utama Revolusi Industri kepada bentuk fizikal bandar?
- (b) Apa pula kesannya kepada aspek bukan fizikal bandar, dan apakah akibat kesan ini kepada pemikiran perancangan?

(25 Markah)

6. Sesuaikan perancangan cara E. Howard, Lloyd Wright, Le Corbusier dan sebagainya digunapakaikan untuk penyelesaian masalah-masalah bandar di Malaysia?

Bincangkan.

(Jika tidak sesuai, apakah alternatifnya?)

(25 Markah)

-ooo00ooo-